





[Experts](#)

## Kurang bercakap, lebih bekerja: Kunci kejayaan terus maju

28 October 2025

---

Dalam dunia moden hari ini, kita dikelilingi oleh suara, pandangan dan perbincangan tanpa henti. Ramai yang suka bercakap, berbincang dan merancang, tetapi tidak semua bertindak. Dalam keadaan ini, ungkapan 'kurang bercakap, lebih bekerja' menjadi prinsip penting untuk mencapai kejayaan sebenar. Ia bukan sekadar kata perangsang, tetapi panduan hidup yang menekankan tindakan berbanding kata-kata.

Kita sering berjumpa orang yang pandai berbicara tentang idea besar. Namun, apabila tiba masa untuk bertindak, mereka hilang arah. Akhirnya, rancangan tinggal di atas kertas dan masa terbuang dalam perbualan yang tidak membawa hasil. Hakikatnya, terlalu banyak bercakap boleh melemahkan fokus dan tenaga. Orang yang berjaya, tahu bila perlu bercakap dan bila perlu bertindak.

Tindakan lebih meyakinkan daripada retorik. Apabila seseorang banyak berbicara tetapi tidak melaksanakan, kewibawaannya akan dipersoalkan. Sebaliknya, apabila seseorang bekerja dalam diam dan membiarkan hasilnya dilihat, kepercayaan terhadapnya meningkat. Hasil kerja yang nyata menjadi bukti kepada keazaman dan integriti. Orang tidak akan mengingati apa yang kita katakan, tetapi mereka akan menilai apa yang kita hasilkan.

Dalam konteks kerja berpasukan, terlalu banyak bercakap boleh menjadi halangan. Perbincangan yang berlarutan kadangkala mencetuskan kekeliruan dan memperlambatkan kemajuan. Idea yang belum matang sering dibahaskan tanpa tindakan susulan. Sebaliknya, jika sesuatu pasukan memulakan kerja terlebih dahulu dan kemudian berkongsi hasil, fokus mereka lebih jelas. Tindakan mendahului perkataan akan menggerakkan perubahan.

Bagi individu, bercakap terlalu banyak tentang impian tanpa langkah pertama hanya memberi kepuasan sementara. Ia mencipta ilusi bahawa kita sedang maju, sedangkan tiada hasil nyata. Orang yang benar-benar berjaya tidak banyak bercerita tentang rancangan mereka. Mereka bekerja secara senyap, mengatur masa, melaksanakan tugas dan memperbaiki hasil. Apabila tiba waktunya, kejayaan mereka menjadi saksi.

Untuk mengamalkan prinsip ini, beberapa langkah mudah boleh diikuti. Pertama, tetapkan matlamat jangka pendek yang jelas. Elakkan bercakap panjang tentang projek besar yang belum bermula. Fokus kepada langkah pertama dan selesaikan satu perkara sebelum beralih ke perkara lain.

Kedua, bertindak dengan konsisten atau tekal. Jadikan kerja sebagai rutin harian. Bekerja setiap hari walaupun sedikit lebih baik daripada menunggu masa sesuai yang tidak pasti tiba. Jika ada kesilapan, semak semula dan perbaiki. Kejayaan ialah hasil daripada tindakan kecil yang dilakukan secara berterusan.

Ketiga, kawal cara kita berkomunikasi. Sebelum bercakap, tanya diri sama ada perkataan itu membawa tindakan atau sekadar mahu didengar. Jika niatnya hanya untuk menarik perhatian, lebih baik fokus kepada kerja yang sedang dilakukan. Apabila hasil kerja sudah siap, biarlah pencapaian itu yang bersuara.

Keempat, biarkan hasil berbicara. Dalam organisasi, pekerja yang menunjukkan prestasi akan

---

dihormati lebih daripada yang banyak bercakap. Pemimpin yang bekerja bersama pasukan lebih dihargai daripada yang hanya memberi arahan. Kerja yang berkualiti ialah bukti yang tidak boleh disangkal. Ia menunjukkan komitmen, disiplin dan tanggungjawab.

Amalan ini membawa banyak manfaat kepada individu dan organisasi. Pertama, produktiviti meningkat kerana masa digunakan untuk tindakan, bukan perbualan. Kedua, kepercayaan mudah diperoleh apabila hasil kerja dapat dilihat. Ketiga, tekanan berkurang kerana tiada beban untuk menepati kata-kata yang belum tentu mampu dilaksanakan. Keempat, kepimpinan menjadi lebih kukuh apabila pemimpin menunjukkan contoh melalui kerja, bukan kata-kata.

Selain itu, sikap ini membina budaya kerja yang positif. Apabila setiap anggota pasukan fokus kepada pelaksanaan, suasana kerja menjadi lebih tenang dan tersusun. Hasil kerja lebih cepat siap dan kualiti meningkat. Organisasi yang menilai prestasi berdasarkan hasil, bukan retorik, akan lebih berdaya saing dan dipercayai.

Namun, prinsip 'kurang bercakap, lebih bekerja' tidak bermaksud kita tidak boleh berkomunikasi langsung. Komunikasi masih penting, tetapi ia perlu terarah dan berfungsi. Bercakap apabila perlu, berbincang apabila bermanfaat, dan bertindak apabila keputusan sudah dibuat. Kata-kata harus menjadi alat untuk tindakan, bukan pengganti kepada kerja.

Dalam kehidupan seharian, kita boleh mempraktikkan prinsip ini dengan mudah. Kurangkan masa membincangkan kelemahan orang lain. Gunakan masa itu untuk memperbaiki diri. Kurangkan janji yang belum tentu mampu ditunaikan. Gunakan tenaga itu untuk menunaikan apa yang telah dijanjikan. Setiap minit yang digunakan untuk bekerja ialah pelaburan kepada hasil masa depan.

Sebagai penutup, dalam dunia yang penuh dengan kata-kata besar dan janji manis, kerja nyata kekal sebagai bukti paling kuat bagi keazaman dan kejayaan. Prinsip 'kurang bercakap, lebih bekerja' bukan slogan kosong. Ia seruan untuk bertindak dengan tanggungjawab, fokus dan keikhlasan.

Jadilah individu yang dikenali bukan kerana banyak berbicara, tetapi kerana banyak menyumbang. Dalam setiap tugas, turunkan rancangan ke dalam tindakan. Biarlah kejayaan menjadi suara kita yang sebenar.

Kerja yang dilakukan dengan senyap lebih bernilai daripada janji yang bergema. Akhirnya, tindakan yang berterusan akan berbicara lebih kuat daripada seribu kata.



**Oleh: Ahmad Ibrahim**

**E-mel: [ahmadbi@umpsa.edu.my](mailto:ahmadbi@umpsa.edu.my)**

**Penulis adalah Pensyarah, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).**

**Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).**

- 124 views

[View PDF](#)